

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 OGOS 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 4
SURAT

KPDN perkukuh rantai bekalan, perangi orang tengah

RMK13: KPDN perkukuh rantai bekalan, perangi orang tengah

PENAMPANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan kestabilan pasaran, khususnya dalam aspek harga dan bekalan barangan keperluan harian, selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, antara pendekatan utama yang akan dilaksanakan ialah mewujudkan persaingan sihat serta membanteras manipulasi dalam pasaran termasuk oleh orang tengah.

"Dalam tempoh lima tahun RMK13, kerajaan akan memperkukuh rantai bekalan makanan. Usaha ini akan dilaksanakan melalui penambahbaikan infrastruktur, pemerksaan sektor peruncitan, penyediaan platform untuk ketelusan harga dan penguatkuasaan kawal selia secara menyeluruh," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Komersial dan Teknologi Antarabangsa (ITCC) di sini.

Sebelum itu, beliau

yang juga Ahli Parlimen Papar menyempurnakan Seminar Kenegaraan Malaysia Madani Pesara Guru (Rancakkan Madani Sabah) pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ketersediaan infrastruktur pemasaran yang merangkumi pusat pengumpulan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran serta kemudahan logistik dan perkhidmatan digital akan dipertingkatkan menerusi kerjasama strategik dengan sektor swasta.

Selain itu katanya, peruncit berskala kecil dan sederhana juga akan diperkasakan agar dapat terlibat secara lebih aktif dalam hab pemasaran agro-

makanan yang akan diperkenalkan kelak.

Bagi menjamin ketelusan harga di sepanjang rantai bekalan, Sistem Repositori Harga dan Bekalan akan dibangunkan di mana ia dijangka dapat membanteras pencatutan serta manipulasi harga melalui pemantauan berasaskan data yang lebih menyeluruh.

"Sistem ini penting untuk menangani aktiviti pencatutan dan manipulasi harga termasuk oleh orang tengah. Ia juga akan menyokong penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 serta Akta Persaingan 2010," katanya.

Tambah beliau, pembangunan sistem berkenaan akan melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan pemain industri bagi memastikan pendekatan holistik dalam menstabilkan harga dan memperkukuh keselamatan makanan negara.

Armizan memaklumkan bahawa agenda menangani isu kos sara hidup di bawah Kerajaan Madani melibatkan dua kerangka strategi utama.

"Bukan sahaja kita perlu lihat kepada persoalan peningkatan kos iaitu kestabilan harga dan kadar inflasi, tetapi juga kepada soal meningkatkan keupayaan sara hidup itu sendiri melalui penambahan bantuan dan penajaan pendapatan rakyat," jelasnya.

Armizan dalam sidang akhbar di ITCC, Penampang pada Ahad.



Scanned With CamScanner

